

24 JUL 2003

Mahathir-Gambar

DR MAHATHIR TEGUR MEDIA BERHUBUNG ISU KONGSI GELAP MCA

PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur cara media melaporkan isu kongsi gelap dalam MCA, terutama penggunaan gambar lama Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dengan individu yang dikatakan terlibat dalam kegiatan itu.

Gambar lama Ong dengan Ketua Cawangan MCA Persiaran Gurney, Ong King Ee yang kini diburu polis kerana disyaki terlibat dalam kegiatan kongsi gelap, tersiar di sebuah akhbar tabloid berbahasa Inggeris baru-baru ini disertai dengan perkataan "Wanted".

"Ia tidak adil. Anda ambil sekeping gambar lama dan kemudian, bila anda kata 'Wanted' (dikehendaki), bubuh gambar dengan Presiden MCA. Adakah patut macam tu.

"Takkan Presiden MCA yang 'Wanted'. Wartawan juga perlu ada etika," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Kanak-kanak Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di Seri Perdana di sini.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau bimbang dengan dakwaan wujudnya elemen kongsi gelap dan sebagainya dalam parti MCA.

"Apa sebab nak ambil gambar yang lama dan mai tunjuk(kan) seolah-olah dia (Ka Ting) baru jumpa (dengan King Ee). Lepas tu tanya dia (Ka Ting) kenal (atau tidak).

"Dia kenallah, sekarang dia kenallah. Dia kenal orang itu, sama ada dia tahu dulu orang itu penjenayah atau tidak, itu soal lain," kata Dr Mahathir.

Katanya lagi: "Sayapun pernah ambil gambar dengan orang yang saya tak kenal, dia duduk tepi saya. Mungkin ahli Umno, tapi sekarang dia penjenayah, baru saya tahu."

"Kalau saya kenal dengan satu orang, tiba-tiba 10 tahun lagi kita tahu dia penjenayah, anda ambil gambar dia, anda tunjuk seolah-olah saya berbaik-baik dengan penjenayah, mana boleh," kata Dr Mahathir dengan nada tegas.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai pembayaran kepada kontraktor yang terlibat dalam pembinaan makmal komputer di sekolah-sekolah di Pantai Timur berikutan keputusan kerajaan untuk menamatkan perkhidmatan Bell Grand Sdn Bhd, kontraktor utama projek itu.

Mengenai perkara ini, beliau menjawab semuanya akan diuruskan dan kerajaan akan melakukannya mengikut peraturan sedia ada.

Semasa ditanya sama ada kontraktor berkenaan akan dibawa ke mahkamah, Dr Mahathir berkata: "Jika ia perlu, jika ia satu jenayah. Tetapi jika ia satu kecuaiian amat sukar bagi kita untuk membuktikannya."

Pembinaan makmal itu telah dilanda masalah kelewatan dan beberapa buah daripadanya dikesan terdapat kecacatan pada struktur pembinaannya.

Menyentuh laporan berhubung tindakan pihak pengurusan sebuah pusat peranginan di Bukit Tinggi menutup terus kegiatan judi mesin slot di situ, Dr Mahathir berkata sememangnya tidak pernah ada kasino di situ sebagaimana yang didakwa sesetengah pihak.

"Di kelab-kelab, kita bagi one-arm bandit (mesin slot guna tuil). tetapi one-arm bandit (kini) sudah jadi sofistikated sehingga ada yang menggunakan peralatan elektronik untuk main lain-lain permainan. Sekarang ni kita larang yang itu.

"Kita nak bagi cuma setakat one-arm bandit sahaja dan di lain-lain kelab pun macam itu, bukan sahaja di situ (Bukit Tinggi). Tak ada kasino,"

katanya.

-- BERNAMA

MAM RON